



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESAN PROGRAM BIJAK WANG TERHADAP LITERASI, TINGKAH
LAKU DAN KOMPETENSI KEWANGAN DALAM KALANGAN
KANAK-KANAK DI SERDANG, SELANGOR***

NORNADIA LIZ BINTI ZAKARIA

FEM 2018 46



**KESAN PROGRAM BIJAK WANG TERHADAP LITERASI, TINGKAH
LAKU DAN KOMPETENSI KEWANGAN DALAM KALANGAN KANAK-
KANAK DI SERDANG, SELANGOR**

Oleh

NORNADIA LIZ BINTI ZAKARIA

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Ogos 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

KESAN PROGRAM BIJAK WANG TERHADAP LITERASI, TINGKAH LAKU DAN KOMPETENSI KEWANGAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK DI SERDANG, SELANGOR

Oleh

NORNADIA LIZ BINTI ZAKARIA

Ogos 2018

Pengerusi : Profesor Madya Mohamad Fazli Sabri, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Masalah kewangan dalam kalangan golongan muda yang kian meningkat saban tahun menimbulkan persoalan adakah golongan muda di negara ini tidak cukup kompeten dalam mengendalikan hal kewangan mereka. Persoalan ini mungkin tidak akan timbul jika golongan muda dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan bermula dari awal usia lagi. Peringkat kanak-kanak merupakan tempoh perkembangan yang paling penting dan kritikal dalam hidup seseorang kerana pada masa ini kanak-kanak menerima serta mempelajari perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Jika kanak-kanak telah diajar sejak kecil tentang pengurusan kewangan, ianya mungkin dapat mengurangkan masalah kewangan apabila dewasa kelak. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan program Bijak Wang ke atas literasi, tingkahlaku dan kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak/peserta di Taman Sri Serdang, Selangor.

Kajian ini melibatkan seramai 31 orang peserta Program Bijak Wang yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) dan penglibatan peserta adalah secara sukarela. Program Bijak Wang merupakan program pendidikan kewangan yang dijalankan selama tiga bulan. Para peserta dinilai dari segi literasi, tingkah laku dan kompetensi kewangan mereka sebelum dan selepas menyertai program dengan menggunakan borang soal selidik. Penilaian oleh ibu bapa ke atas pengetahuan dan kemahiran peserta (anak-anak) turut dilakukan. Penganalisan data adalah secara deskriptif yang melibatkan analisis Ujian-t dan Ujian-t Berpasangan.

Dapatan kajian menunjukkan tidak dapat perbezaan yang signifikan antara literasi, tingkahlaku dan kompetensi kewangan dengan faktor demografi terpilih (jantina, pendidikan ibu dan pendidikan bapa). Namun, hanya satu faktor sahaja yang mempunyai perbezaan yang signifikan iaitu perbezaan literasi kewangan dengan pendidikan ibu. Manakala hasil ujian-t berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan literasi kewangan sebelum dan selepas peserta menyertai program, terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku kewangan sebelum dan selepas peserta menyertai program dan terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi kewangan sebelum dan selepas peserta menyertai program. Selain itu, penilaian daripada ibu bapa menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pengetahuan dan kemahiran kewangan peserta selepas menyertai program. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak ibu bapa, sekolah dan kementerian untuk merangka program pendidikan awal kewangan dalam usaha untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang celik kewangan pada usia muda.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

THE IMPACT OF *BIJAK WANG* PROGRAM ON FINANCIAL LITEARCY, BEHAVIOR AND COMPETENCY AMONG CHILDREN IN SERDANG, SELANGOR

By

NORNADIA LIZ BINTI ZAKARIA

August 2018

Chairman : Associate Professor Mohamad Fazli Sabri, PhD
Faculty : Human Ecology

Financial problems among young people that kept rising every year raises question of whether young people in the country are not competent enough to handle their financial affairs. This question may not arise if young people are provided with financial management knowledge and skills from early age. Childhood stage is the most important and critical period of development in one's life as children are actively learning and receiving about the things that happened around them. If a child has been taught since childhood about financial management, it may reduce the financial management problems when they reach adult stage. The purpose of this study is to identify the the impact of Bijak Wang Program on financial litearcy, behavior and competency among children in Taman Sri Serdang, Selangor.

This study involved a total of 31 participants from 'Program Bijak Wang' who was selected using Purposive Sampling method and participation was voluntary. The 'Program Bijak Wang' is a three-month financial education program. Participants are assessed in terms of their knowledge, behavior and financial competencies before and after participating in the program using the questionnaires. Parent's assessment of the participant's (their children) knowledge and skills was also conducted. Data analysis is descriptive involving analysis of T-Test and Paired T-Test.

The findings showed that there is no significant difference between literacy, behavior and financial competence with selected demographic factors (gender, mother education and father education). However, only one factor that has a significant difference is the difference in financial literacy with mother education. While Paired t-test results show that there are significant differences in financial literacy before and

after participating in the program, there are significant differences in financial behavior before and after participants participating in the program, and there is a significant difference in financial competencies before and after participating in the program. In addition, parental assessment shows that there is a significant difference in the participants' financial knowledge and skills after participating in the program. Hence, various regression analyses are used to explain the factors that contribute to the participants' financial. The findings of this study are expected to help parents, schools and ministries to develop a preliminary financial education program in order to create a financial literate Malaysian at a young age.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia dan keizinanNya, akhirnya dapat jua saya menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr Mohamad Fazli Sabri, selaku penyelia projek serta Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah dan Jaringan Industri & Masyarakat) Fakulti Ekologi Manusia yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada ahli jawatan kuasa penyeliaan Dr. Husniyah Abdul Rahim yang telah banyak membantu dalam menyempurnakan kajian ini.

Begitu juga kepada semua siswazah Fakulti Ekologi Manusia dalam membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa kepada pasukan program Bijak Wang dalam membantu dari segi tenaga dan wang ringgit dalam merialisasikan program berjalan dengan jayanya.

Jutaan kalungan kasih kepada jawatan kuasa rukun tetangga Taman Sri Serdang bagi bantuan teknikal yang berharga dari segi kemudahan penyediaan tempat dan sebagainya. Tidak lupa juga kepada ibu bapa yang percaya akan menghantar anak mereka untuk menyertai Program Bijak Wang selama 3 bulan.

Setinggi-tinggi terima kasih tidak terhingga kepada suami dan keluarga yang telah berada di sisi dan banyak membantu dan memberi semangat dalam menyempurnakan penulisan tesis ini sehingga selesai.

Sekian, terima kasih

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (masukan tarikh viva voce) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi (masukan nama pelajar) bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Tajuk tesis” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Nama Pengerusi, PhD

Choose an item.

Choose an item.

Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nama Pemeriksa 1, PhD

Choose an item.

Choose an item.

Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nama Pemeriksa Luar, PhD

Choose an item.

Choose an item.

Choose an item.

(Pemeriksa Luar)

RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 31 Oktober 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohamad Fazli Bin Sabri, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Husniyah Binti Abdul Rahim, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan _____ Tarikh _____

Nama dan No. Matrik : Nornadia Liz binti Zakaria, GS4448

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Mohamad Fazli Bin Sabri

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Husniyah Binti Abdul Rahim

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUL	xiii
SENARAI RAJAH	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan Program	2
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.4.1	Objektif Umum	4
1.4.2	Objektif Khusus	4
1.5	Hipotesis Kajian	5
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Limitasi Kajian	6
1.8	Kepentingan Kajian	6
1.8.1	Kanak-Kanak	7
1.8.2	Ibu Bapa	7
1.8.3	Sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia	7
1.9	Definisi Istillah	8
1.9.1	Literasi Kewangan	8
1.9.2	Tingkah Laku kewangan	8
1.9.3	Kompetensi Kewangan	9
1.10	Kesimpulan	9
2	KAJIAN LITERATUR	10
2.1	Kompetensi Kewangan	10
2.2	Literasi Kewangan	13
2.3	Tingkah Laku Kewangan	14
2.4	Pendidikan kewangan	16
2.5	Keberkesanan Program Pendidikan Kewangan	17
2.6	Pembentukan Kerangka Kajian	20
2.6.1	Model Pengurusan Kewangan	20
2.6.2	Pemilihan Teori	22
2.7	Kerangka Kajian	26
2.8	Kesimpulan	28

3	METODOLOGI	29
3.1	Reka Bentuk Kajian	30
3.2	Populasi dan Kaedah Persampelan	31
3.3	Saiz Sampel	33
3.4	Pengiraan Saiz Sampel	33
3.5	Pengumpulan Data	35
3.6	Pembinaan Instrumen	35
3.6.1	Sosio demografi	35
3.6.2	Literasi Kewangan	36
3.6.3	Tingkah laku kewangan	36
3.6.4	Kompetensi Kewangan	36
3.6.5	Penilaian Ibu Bapa	37
3.7	Ujian Kebolehppercayaan (<i>Reliability</i>)	38
3.8	Analisis Data Eksploratori (EDA)	39
3.8.1	Normaliti	39
3.8.2	Andaian Equality of Variance	40
3.9	Analisis Data	40
3.9.1	Analisisi Deskriptif	40
3.9.2	Analisis Ujian-t Tak Bersandar	40
3.9.3	Ujian-t Berpasangan (Paired Sampel t-Test)	41
3.10	Kesimpulan	41
4	KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	42
4.1	Latar Belakang Responden	42
4.2	Literasi Kewangan	43
4.3	Tingkah Laku Kewangan	49
4.4	Kompetensi Kewangan	52
4.5	Penilaian Ibu dan Bapa	55
4.6	Pengujian Hipotesis	59
4.6.1	Menentukan Perbezaan Literasi, Tingkahlaku dan Kompetensi Kewangan berdasarkan Faktor Sosio Demografi	59
4.6.2	Menentukan Perbezaan Literasi, Tingkahlaku dan Kompetensi Kewangan Sebelum dan Selepas Menyertai Program Bijak Wang	65
4.6.3	Menentukan Perbezaan Penilaian Ibu Bapa Terhadap Literasi dan Kemahiran Kewangan dalam Kalangan Peserta	67
4.7	Kesimpulan	69
5	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	70
5.1	Ringkasan Kajian	70
5.2	Kesimpulan Kajian	71
5.3	Implikasi Kajian	73
5.4	Cadangan Untuk Kajian akan Datang	75
5.5	Kesimpulan	76

RUJUKAN	77
LAMPIRAN	90
BIODATA PELAJAR	109
SENARAI PENERBITAN	110



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Reka Bentuk Satu Kumpulan PraUjian-PascaUjian	31
3.2 Nilai kebolehpercayaan subskala penilaian ibu bapa	37
3.3 Ringkasan setiap pembolehubah dan pengukuran	38
3.4 Ujian Kebolehpercayaan	39
3.5 Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	39
4.1 Maklumat Latar Belakang Responden	42
4.2 Taburan Literasi Kewangan Responden (n=31)	43
4.3 Taburan Tingkahlaku Kewangan Responden (n=31)	49
4.4 Taburan Kompetensi Kewangan Responden (n=31)	52
4.5 Penilaian Ibu Bapa	55
4.6 Perbezaan Literasi Kewangan Mengikut Jantina	60
4.7 Perbezaan Literasi Kewangan Mengikut Pendidikan Ibu	60
4.8 Perbezaan Literasi Kewangan Mengikut Pendidikan Bapa	61
4.9 Perbezaan Tingkahlaku Kewangan Mengikut Jantina	61
4.10 Perbezaan Tingkahlaku Kewangan Mengikut Pendidikan Ibu	62
4.11 Perbezaan Tingkahlaku Kewangan Mengikut Pendidikan Bapa	62
4.12 Perbezaan Kompetensi Kewangan Mengikut Jantina	63
4.13 Perbezaan Kompetensi Kewangan Mengikut Tahap Pendidikan Ibu	64
4.14 Perbezaan Kompetensi Kewangan Mengikut Tahap Pendidikan Bapa	64
4.15 Perbezaan Literasi Kewangan Sebelum Dan Selepas Menyertai Program	65
4.16 Perbezaan Tingkah Laku Kewangan Sebelum Dan Selepas Menyertai Program	66

4.17	Perbezaan Kompetensi Kewangan Sebelum Dan Selepas Menyertai Program	66
4.18	Perbezaan Penilaian Ibu Bapa pada Minggu Keenam dan Kedua Belas	67
4.19	Ringkasan Pengujian Hipotesis	68



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Model Pengurusan Keluarga	20
2.2 Kerangka Konseptual Kesan Program Bijak wang ke atas literasi, tingkahlaku dan kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak di Taman Sri Serdang, Selangor	28
3.1 Pengiraan sampel saiz menggunakan program <i>G*Power</i> 3.0.10	34
4.1 Skor Literasi Kewangan	48
4.2 Tahap Tingkah Laku Kewangan	51
4.3 Tahap Kompetensi Kewangan	54
4.4 Penilaian Ibu Bapa (Minggu 6 dan Minggu 12)	59

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Perkembangan ekonomi semasa yang menyaksikan permasalahan peningkatan kos sara hidup serta keadaan pasaran kewangan yang semakin kompleks menyebabkan pendidikan kewangan amat diperlukan. Ini adalah kerana, dengan meningkatnya jumlah perbelanjaan individu dan keluarga, kesejahteraan kewangan dan kehidupan akan turut terjejas sekaligus menyebabkan taraf hidup semasa tidak dapat dikekalkan atau dipertingkatkan (Phillips, Li, & Taylor, 2012). Selain itu, kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam pasaran menyebabkan ramai individu gagal menguruskan kewangan peribadi masing-masing berikutan kebanyakan individu tidak dapat membuat keputusan yang bijak terutamanya dalam melakukan pinjaman. Oleh yang demikian, pendidikan kewangan perlu dititikberatkan agar kebolehan dan kecekapan masyarakat dalam menguruskan soal kewangan dapat membantu merealisasikan usaha menjadikan Malaysia sebagai negara berstatus pendapatan tinggi (Laporan Transformasi Ekonomi Negara, 2009),

Pengetahuan kewangan yang mencukupi dapat menjadikan seseorang itu mahir menguruskan kewangan peribadi dan keluarga dengan cekap seperti merancang perbelanjaan, melakukan simpanan dan tabungan, merancang persaraan, melakukan perbandingan produk dan perkhidmatan kewangan serta dapat menguruskan hutang atau pinjaman dengan lebih baik (Rubayah, Hawati & Nur Ain, 2015; Lusardi & Mitchell, 2011). Namun, kebelakangan ini, isu-isu kegagalan pengurusan kewangan seperti keberhutangan dan kebangkrupan sering dilaporkan terutamanya yang membabitkan golongan muda. Ini dapat dilihat berdasarkan laporan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (2017), yang mendapati sejumlah 11,026 kes bankrup adalah dalam kalangan muda jelas menggambarkan kelemahan masyarakat dengan pengurusan kewangan. Selain daripada itu, individu yang berhadapan dengan masalah kewangan sering dikaitkan dengan tingkah laku dan amalan kewangan yang negatif. Berbelanja melebihi pendapatan, penggunaan kad kredit secara tidak berhemah, tidak tahu membezakan keperluan dan kehendak dalam pembelian dan tidak mempunyai simpanan hari tua atau kecemasan menjadi punca kepada masalah keberhutangan serta masalah-masalah kewangan yang lain (Mokhtar, Sabri, Hashim, Rahim & Othman, 2013).

Oleh yang demikian, pendidikan kewangan amat penting kerana ianya merupakan garis panduan kepada individu untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi keluarga, memahami risiko dan memudahkan pembuatan keputusan yang lebih baik. Sehubungan dengan itu, pendidikan awal kanak-kanak diperkenalkan agar mereka dapat didedahkan dengan dunia kewangan yang sebenarnya. Pendidikan awal memainkan peranan penting dalam minda kanak-kanak dan membantu mengurangkan

masalah pembelajaran dan pencapaian masa hadapan. Ini bertepatan dengan pernyataan daripada Ismail (2015) yang menyatakan bahawa peringkat awal kanak-kanak merupakan tempoh yang kritikal yang menjadi penentu kepada perkembangan minda individu dan bersifat kumulatif.

Pendedahan pendidikan kewangan kepada kanak-kanak perlu dimulakan secara berperingkat. Menurut Ross, Gordon, dan Bagnell (2005), kanak-kanak seawal empat tahun walaupun tidak dapat berfikir tentang sesuatu yang kompleks tetapi kanak-kanak diusia ini dapat memahami konsep asas kewangan. Manakala menurut Sherraden, Johnson, Guo dan Elliott (2011), kanak-kanak yang bersekolah rendah pula mampu memahami asas ekonomi seperti perbelanjaan, simpanan, permintaan, penawaran dan sebagainya. Namun, pendedahan berkaitan pengetahuan kewangan ini tidak hanya perlu tertumpu di sekolah sahaja malahan perlu diperluaskan dengan mengadakan program, bengkel dan sebagainya agar pemahaman mengenai kewangan dapat diberikan secara terus kepada pelajar. Ini disahkan dengan pernyataan daripada Sherraden et al. (2011), yang mendapati bahawa kanak-kanak lebih memahami asas kewangan dan berkeyakinan dalam membuat keputusan berkaitan kewangan selepas menyertai program interaktif berkaitan kewangan. Disebabkan itu, kajian ini melihat kepada konsep program pendidikan kewangan yang disasarkan kepada kanak-kanak. Ini termasuk penilaian terhadap pengetahuan, tingkah laku dan kompetensi kewangan kanak-kanak.

1.1 Pengenalan Program

Program pendidikan kewangan iaitu “Program Bijak Wang” adalah bengkel interaktif mengenai pengurusan wang yang disasarkan kepada kanak-kanak. Program inovatif ini dibangunkan sebagai alat pembelajaran dan pengajaran alternatif untuk kanak-kanak mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan. Ianya juga bertujuan untuk memupuk pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan akan memberi kesan kepada kanak-kanak secara positif dalam mengurus kewangan mereka dengan lebih baik pada masa akan datang (Mokhtar et, al. 2013). Program Bijak Wang ini berkonsepkan “belajar sambil bermain”. Papastergiou (2009) mendapati bahawa peserta yang terdedah kepada program yang menggunakan konsep ini akan lebih aktif dan mempunyai minat yang lebih tinggi untuk mempelajarinya. Tujuan utama program ini dilakukan adalah untuk memindahkan ilmu pengetahuan yang khususnya dalam bidang kewangan kepada kanak-kanak dalam kalangan Komuniti Taman Sri Serdang. Program ini juga akan mendidik individu berkaitan kewangan bermula daripada awal usia dan akan melihat sejauh mana keberkesanan dan impak pengajaran yang diberikan kepada kanak-kanak dikalangan Komuniti Taman Sri Serdang.

1.2 Penyataan Masalah

Ketidakcekapan dalam menguruskan kewangan peribadi menyebabkan golongan muda berada dalam keadaan yang membimbangkan pada masa ini. Ketidakcekapan pengurusan kewangan adalah berpunca daripada kelemahan individu dalam memperoleh informasi atau pengetahuan yang terkini mengenai sistem kewangan yang berada di dalam pasaran menyebabkan mereka ketinggalan dan membuat keputusan berkaitan kewangan secara tergesa-gesa tanpa mempertimbangkan baik dan buruk pada jangka masa yang panjang (Rubayah et. al., 2015). Atas sebab itu, maka tidak hairanlah jika pada masa ini golongan muda dikaitkan dengan kes seperti kegagalan pembayaran balik pinjaman dan juga kes kebangkrutan. Mengikut rekod daripada Jabatan Insolvensi, seramai 11,026 golongan muda gagal menjelaskan pinjaman dan lebih membimbangkan sebanyak 80 kes bankrap direkodkan bagi individu berumur bawah 25 tahun sepanjang tempoh 2012 sehingga 2017. Malah, ketidakcekapan golongan muda dalam menguruskan kewangan turut dikaitkan dengan kegagalan pembayaran balik pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan dianggarkan seramai 600,000 peminjam yang masih belum melunaskan bayaran pinjaman (Bernama online, 2017).

Para pengkaji lepas bersetuju dengan kepentingan mempunyai kemahiran kewangan yang mencukupi berikutan ketidakcekapan dalam menguruskan kewangan terutamanya dalam kalangan golongan muda (Rubayah, Hawati & Nur Ain, 2015; Abdullah et al., 2013; Brown & Graf, 2013; Mokhtar et al., 2013). Apabila individu mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai asas kewangan, maka kebolehan untuk membuat keputusan terutamanya berkaitan pengurusan kewangan harian, membezakan keperluan dan kehendak, hutang, pinjaman dan sebagainya akan menjadi lebih mudah (Lusardi, Annamaria & Tufano, 2008). Dengan pengetahuan kewangan yang terhad, golongan muda dilihat tidak dapat membezakan keperluan dan kehendak dan lebih mementingkan status hidup berbanding kemampuan kewangan diri sendiri dan menyebabkan individu mengalami masalah hutang yang boleh mengundang kebangkrutan (Azwadi, Mohd, & Alif, 2013). Ini dapat disahkan dengan statistik kebangkrutan di mana golongan muda cenderung berhutang atau melakukan pinjaman ke atas pinjaman seperti sewa beli kenderaan (26,597 kes), pinjaman peribadi (25,937 kes) dan pinjaman perumahan (16,814 kes).

Oleh yang demikian, pendedahan kewangan di awal usia kanak-kanak amat dititikberatkan agar kemahiran, kecekapan dan tingkah laku kewangan dalam menguruskan wang dapat dipupuk (Abramovitch, Freedman & Liner, 1991; Clercq, 2009). Terdapat pelbagai saluran yang boleh diberikan dalam memdedahkan pendidikan kewangan dan di antaranya adalah melalui program-program pendidikan. Kebanyakkan kurikulum dan program pendidikan kewangan diberikan dan difokuskan kepada pelajar sekolah menengah dan pelajar kolej (Mokhtar et al, 2013). Matlamat program pendidikan kewangan adalah untuk meningkatkan pengetahuan kewangan peribadi dan menggalakkan tingkah laku kewangan yang lebih baik. Kajian daripada Bernheim, Garrett, dan Maki (2001) berkaitan kesan program pendidikan kewangan kepada pelajar sekolah dan hasil kajian tersebut mendapati bahawa para

pelajar yang terdedah kepada pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan dapat membuat penjimatan terhadap wang saku yang diterima daripada ibu bapa. Manakal menurut Garman dan Forge (2005) kanak-kanak yang dididik dengan pengurusan kewangan yang baik sejak kecil, didapati tidak mempunyai masalah dalam menguruskan kewangan mereka pada masa hadapan. Namun begitu, tidak banyak kajian yang terhad mengkaji mengenai kemampuan pengurusan kewangan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia menyebabkan kajian ini terhasil.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah untuk menilai kesan Program Bijak Wang ke atas literasi, tingkahlaku dan kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak di Taman Sri Serdang. Berdasarkan hujah-hujah yang dibincangkan di atas, kajian ini cuba untuk menjawab soalan berikut:

1. Sejauh mana tahap literasi kewangan, tingkah laku kewangan dan kompetensi kewangan dalam kalangan peserta Program Bijak Wang.
2. Adakah terdapat perbezaan literasi kewangan mengikut jantina, pendidikan ibu dan pendidikan bapa di kalangan peserta Program Bijak Wang?
3. Adakah terdapat perbezaan tingkahlaku kewangan mengikut jantina, pendidikan ibu dan pendidikan bapa di kalangan peserta Program Bijak Wang?
4. Adakah terdapat perbezaan kompetensi kewangan mengikut jantina, pendidikan ibu dan pendidikan bapa di kalangan peserta Program Bijak Wang?
5. Adakah terdapat perbezaan literasi kewangan, tingkahlaku kewangan dan kompetensi kewangan dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai Program Bijak Wang.
6. Sejauh mana penilaian ibu bapa terhadap literasi dan kemahiran kewangan dalam kalangan peserta yang menyertai Program Bijak Wang.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor penentu kompetensi kewangan dalam kalangan peserta Program Bijak Wang.

1.4.2 Objektif Khusus

1. Menenalpasti tahap literasi kewangan, tingkah laku kewangan dan kompetensi kewangan dalam kalangan peserta Program Bijak Wang.
2. Menentukan perbezaan literasi, tingkahlaku dan kompetensi kewangan mengikut faktor jantina, pendidikan ibu dan pendidikan bapa dalam kalangan peserta.

3. Menentukan perbezaan literasi kewangan, tingkah laku kewangan dan kompetensi kewangan dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai Program Bijak Wang.
4. Mengenal pasti penilaian ibu bapa terhadap peserta yang menyertai Program Bijak Wang.

1.5 Hipotesis Kajian

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan literasi kewangan mengikut jantina di kalangan peserta Program Bijak Wang

H2: Terdapat perbezaan yang signifikan literasi kewangan mengikut tahap pendidikan ibu di kalangan peserta Program Bijak Wang

H3: Terdapat perbezaan yang signifikan literasi kewangan mengikut tahap pendidikan bapa di kalangan peserta Program Bijak Wang

H4: Terdapat perbezaan yang signifikan tingkahlaku kewangan mengikut jantina di kalangan peserta Program Bijak Wang

H5: Terdapat perbezaan yang signifikan tingkahlaku kewangan mengikut tahap pendidikan ibu di kalangan peserta Program Bijak Wang

H6: Terdapat perbezaan yang signifikan tingkahlaku kewangan mengikut tahap pendidikan bapa di kalangan peserta Program Bijak Wang

H7: Terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi kewangan mengikut jantina di kalangan peserta Program Bijak Wang

H8: Terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi kewangan mengikut tahap pendidikan ibu di kalangan peserta Program Bijak Wang

H9: Terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi kewangan mengikut tahap pendidikan bapa di kalangan peserta Program Bijak Wang

H10: Terdapat perbezaan yang signifikan literasi kewangan sebelum dan selepas menyertai Program Bijak Wang

H11: Terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku kewangan sebelum dan selepas menyertai Program Bijak Wang

H12: Terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi kewangan sebelum dan selepas menyertai Program Bijak Wang

H13: Terdapat perbezaan yang signifikan penilaian ibu bapa terhadap literasi dan kemahiran kewangan dalam kalangan peserta yang menyertai Program Bijak Wang di antara minggu keenam dan kedua belas

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memberi penekanan kepada kanak-kanak yang berumur 9 hingga 12 tahun khususnya yang tinggal di kawasan Sri Serdang, Selangor. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Program Bijak Wang ke atas literasi, tingkahlaku dan kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak di Taman Sri Serdang.

1.7 Limitasi Kajian

Beberapa batasan kajian dikenal pasti dalam kajian ini. Pertamanya, kajian tinjauan hanya memilih satu kawasan sahaja. Kawasan Taman Sri Serdang merupakan kawasan yang dipilih bagi menjalankan kajian kerana skop kajian yang kecil lebih memudahkan pengumpulan data memandangkan kajian ini berkaitan program pendidikan dan lebih memberi manfaat dari segi dapatan kajiannya. Di samping itu, kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik tertutup (*close ended questionnaire*) sentiasa mempunyai limitasi di mana ianya mungkin memaksa responden untuk menjawab soalan yang diajukan dan ianya menghadkan respon atau jawapan daripada responden.

Kekangan masa dan birokrasi merupakan salah satu limitasi dalam kajian. Beberapa prosedur kajian terlebih dahulu dipenuhi sebelum kebenaran menjalankan kajian diperolehi. Birokrasi menyebabkan perancangan masa pengkaji sentiasa berubah-ubah memandangkan pengkaji bergantung sepenuhnya kepada data yang melibatkan peserta yang menyertai program. Persetujuan dan kebenaran daripada ibu bapa dalam penglibatan program terlebih dahulu diperolehi dan seterusnya kepada anak-anak yang ingin menyertai. Pengkaji juga berhadapan dengan kekangan masa dalam melaksanakan program kerana fokus sampel kajian adalah kanak-kanak yang berumur 9 hingga 12 tahun dan merupakan pelajar sekolah rendah. Kekangan berlaku memandangkan semua peserta adalah pelajar sekolah, maka masa yang perlu di ambil adalah sangat terhad dan kerap bertembung dengan aktiviti sekolah.

1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini adalah penting serta memberi manfaat kepada beberapa pihak seperti kanak-kanak khususnya, ibu bapa, pihak sekolah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia serta kepada negara. Maklumat-maklumat yang diperolehi diharap dapat membantu serta menjadi kayu ukur terutama sekali dalam membantu mengendalikan kewangan dengan baik.

1.8.1 Kanak-Kanak

Peningkatan taraf hidup memerlukan seseorang yang bijak untuk mengendalikan cabaran terutamanya dari segi kewangan. Bukan sahaja golongan dewasa yang perlu cekap dalam menguruskan kewangan, malah kanak-kanak juga perlu bersedia dari aspek pengetahuan dan kemahiran kewangan bagi melengkapkan diri untuk menjadi pengurus kewangan yang baik. Kompeten dalam menguruskan kewangan dengan baik merupakan salah satu kemahiran penting bagi setiap individu. Kekurangan kompeten dalam mengendalikan kewangan boleh menjurus ke arah masalah kewangan yang mungkin membebankan serta menjejaskan kualiti kesejahteraan hidup. Oleh itu, kajian ini cuba untuk menekankan tentang kepentingan kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak sekolah dengan mengadakan satu program kewangan yang menekankan konsep belajar sambil bermain berkaitan kenali wang, simpanan, perbelanjaan dan banyak lagi dengan harapan kanak-kanak ini mampu untuk menjadi pengurus kewangan yang baik apabila dewasa.

1.8.2 Ibu Bapa

Kajian ini penting sebagai panduan kepada ibu bapa dalam mendidik anak-anak mengenai isu kewangan. Keluarga terutamanya ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang utama untuk kanak-kanak mempelajari tentang kewangan (Gudmunson & Danes, 2011). Ibu bapa dianggap sebagai agen yang paling berpengaruh dalam sosialisasi kehidupan anak-anak mereka. Kajian Koh dan Lee (2010) mendapati bahawa ibu bapa merupakan panduan utama bagi kanak-kanak terutamanya dalam pemahaman mengenai pengurusan kewangan. Ini selari dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang banyak melibatkan diri dengan aspek-aspek penting dalam urusan kewangan keluarga meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mengenai pengurusan kewangan (Fazli, MacDonald, Hira & Masud, 2010). Oleh itu, sekiranya para ibu bapa mengetahui sejauh mana tahap kompetensi kewangan anak-anak mereka, maka ia secara tidak langsung membantu memudahkan proses pendidikan ibu bapa kepada anak-anak. Selain daripada itu, sikap dan tingkah laku seseorang kanak-kanak dalam pembelajaran mempunyai pergantungan yang tinggi pada sokongan daripada persekitaran keluarga. Pengaruh persekitaran sesebuah keluarga amat bermakna bagi pembentukan aspirasi dan ekspektasi ibu bapa terhadap kecermelangan pendidikan anak.

1.8.3 Sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia

Sekolah merupakan landasan yang sesuai bagi kanak-kanak kerana kebanyakan kanak-kanak dihantar ke sekolah. Justeru, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak sekolah sekaligus kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dengan memberi gambaran sejauh mana pengurusan kewangan dalam kalangan kanak-kanak di negara ini. Pihak sekolah dan kementerian juga boleh membuat dan memperbanyakkan lagi program kewangan kepada golongan kanak-kanak dalam menekankan aspek kemahiran dan kompetensi kanak-kanak berkaitan dengan kewangan. Pendidikan

kewangan secara formal mungkin dapat dilaksanakan di setiap sekolah, tetapi program kewangan boleh dilakukan secara tidak formal seperti belajar sambil bermain dapat menarik minat pelajar dalam memahami serta meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan.

1.9 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang diguna pakai bagi menerangkan maksud yang sesuai kepada kajian ini. Berikut dijelaskan definisi istilah secara konseptual dan operasional bagi memudahkan pemahaman.

1.9.1 Literasi Kewangan

Istilah koseptual :

Menurut Sohn et al.,(2012), literasi kewangan merupakan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan cabaran kewangan serta membuat keputusan mengenai kewangan dalam kehidupan seharian.

Istilah operasional :

Literasi kewangan dalam kajian ini merujuk sejauh mana peserta program memahami aspek berkaitan kewangan merangkumi aspek pengetahuan, sikap dan amalan tentang kewangan yang diukur berdasarkan pilihan jawapan ‘betul’ atau ‘salah’

1.9.2 Tingkah Laku kewangan

Istilah konseptual :

Tingkah laku kewangan adalah tindakan atau sebarang bentuk perlakuan yang berkaitan dengan aktiviti menguruskan wang (Xiao, 2008).

Istilah operasional :

Fokus kajian ini adalah mengenai kesan dan impak peserta program dalam mengendalikan wang sepanjang dan selepas program dijalankan merangkumi aspek berkaitan amalan menyimpan, tingkah laku kewangan, berbelanja dan pelbagai lagi.

1.9.3 Kompetensi Kewangan

Istilah konseptual

Kompetensi kewangan menurut Dowling et al., (2008), adalah keupayaan atau kemampuan untuk melakukan keputusan berkaitan dengan pengguna dan pengurusan kewangan.

Istilah operasional

